

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**HKB 216 – Karya-Karya Terpilih dari Kesusasteraan
Eropah dan Amerika**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja

1. Sekiranya *Almayer's Folly* dibaca sekadar sebagai cerita pengembaraan ("adventure story") yang berlatarbelakangkan tempat-tempat asing, seseorang pengkritik tidak dapat menghalusi wawasan segar yang dipaparkan Conrad tentang psikologi kolonialisme.

Dengan merujuk kepada pernyataan ini, huraikan bagaimana pembacaan *Almayer's Folly* yang lebih kritis perlu dilakukan supaya teknik Conrad yang mempertingkatkan realisme sosial kepada realisme psikologi dapat dianalisiskan.

2. Watak wanita dalam *A Doll's House* yang meninggalkan suami dan anak-anak pernah dianggap sebagai teladan buruk oleh masyarakat sezaman Ibsen. Apakah pendapat anda tentang watak Nora? Bincangkan.
3. Sean O'Faolain berpendapat bahawa protagonis Hemingway lazimnya "brainless, has no past, no tradition and no memories". Bagi O'Faolain, Hemingway tidak mencipta watak yang kompleks.

Bincangkan pendapat O'Faolain tentang perwatakan Santiago dalam *The Old Man and the Sea (Orang Tua Dengan Laut)*.

4. Setakatmanakah Gish Jen berjaya menggunakan alatan naratif seperti paradoks dan ironi untuk mendedahkan prejedis ras dan kelas dalam "In the American Society"?

5. "The narrator varies her position in relation to the character: the narrator's voice is only perceived at some points in the story, it then merges into the character's mind" ("Taking the Veil").

Berdasarkan pernyataan di atas, analisiskan keberkesanan sudut pandangan yang dipilih Mansfield untuk memperkayakan perwatakan Edna.

6. Dalam cerpen bertajuk "Eveline", James Joyce meneroka kesan-kesan memori ke atas psikologi dan tindakan manusia. Beliau sengaja mencampuradukkan masa lalu dan masa sekarang.

Merujuk kepada pendapat di atas bincangkan perwatakan Eveline.

-- oo000oo --